

# Lebih 100 sertai bengkel Kewartawanan dan Penerbitan Buletin UMS

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

UB 28.02.2012 137

**KOTA KINABALU:** Seramai 48 pelajar Program Sains Sukan (HS20) Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dan 100 pelajar lain serta staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti bengkel Penulisan Kewartawanan dan Penerbitan Buletin di UMS, hujung minggu lalu.

Bengkel selama dua hari itu dianjurkan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Ianya dikendalikan beberapa penceramah termasuklah Hajjiah Lamiri, Mohd Puad Bebit, Che Hasruddin Che Hasan dan Henry Bating.

Sempena dengan bengkel itu, buletin kumpulan pelajar Program Sains Sukan telah dipilih sebagai karya terbaik.

Wakil peserta, Tommy Wong Kee Kiet menyifatkan bengkel itu sebagai amat bermanfaat terutama mengasah bakat pelajar dalam penulisan dan kewartawanan.

Pendapat Tommy tersebut turut dikongsi dua peserta wanita, Aubbry Cynndy dan Dayang Manggie.

Aubbry dan Manggie menambah, dunia kewartawanan sukan sama pentingnya dengan dunia kewartawanan lain seperti jenayah dan politik.

“Setiapapayangdilaporkan menjadi maklumat atau pengetahuan umum. Semua kejadian atau peristiwa wajar dikongsi oleh semua pihak,” kata kedua-dua peserta wanita berkenaan.

Turut menghadiri bengkel itu ialah Pensyarah Sains Sukan UMS, Mohamad Nizam Nazarudin yang juga tenaga pengajar kursus Sukan dan Media.



**WAKIL** pelajar program Sains Sukan, Christine Valentine James (kiri) menerima hadiah kemenangan daripada Kasim.

Nizam berpendapat bahawa wartawan juga mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan bidang sukan di negara ini dengan membantu mengetengahkan sukan-sukan berkenaan agar ia diketahui dan diminati oleh masyarakat.

“Mereka juga tidak seharusnya bersikap memilih bulu untuk membuat liputan terhadap jenis-jenis sukan sehinggakan sukan-sukan yang dianggap kecil tidak diketengahkan atas alasan tidak menarik atau sebagainya,” katanya.

Beliau berharap agar ada

antara kalangan pelajar beliau akan berjaya dalam kewartawanan sukan.

Majlis penutupan bengkel itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Bin Hj. Mansur.